

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 19/02/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 20

Tajuk : Koperasi SMK Subang Bestari Jana RM802,418

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Klang

Enam koperasi sekolah menengah di negeri ini dikenal pasti berpotensi mencapai perolehan pendapatan lebih RM1 juta tahun ini.

Ia membabitkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Subang Bestari Berhad, SMK Seri Puteri Berhad, SMK Bandar Baru Sungai Long, SMK Taman Jasmin 2 Berhad, SMK Jalan Tiga Berhad dan Sekolah Sultan Alam Shah Berhad.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, statistik pihaknya menunjukkan semua sekolah itu berjaya mencatat nilai perolehan melebihi RM500,000 setahun.

"Koperasi SMK Subang Bestari Berhad memperoleh pendapatan tertinggi iaitu sebanyak RM802,418 diikuti SMK Seri Puteri Berhad (RM701,358) dan SMK Bandar Baru Sungai Long (RM698,479).

"Manakala, tiga lagi koperasi iaitu Koperasi SMK Taman Jasmin 2 Berhad RM650,794, SMK Jalan Tiga Berhad (RM515,617) dan Koperasi Sekolah Sultan

Koperasi SMK Subang Bestari jana **RM802,418**

■ Enam koperasi sekolah menengah di Selangor berpotensi capai pendapatan lebih RM1 juta tahun ini



ABDUL Fattah (tiga kiri) beramah mesra bersama pengetua yang hadir selepas merasmikan Program Dialog Pengetua-Pengetua Negeri Koperasi Sekolah 2019 di Hotel Aliya, Klang.

Alam Shah Berhad (RM515,490).

"Semua sekolah itu me-

rangkumi keseluruhan 2,406 koperasi sekolah di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Dialog Pengetua-Pe-

ngetua Koperasi Sekolah Selangor 2019 (Pengurusan Kewangan dan Pembangu-

nan Perniagaan) di sini, semalam.

Hadir sama Naib Presiden ANGKASA, Mohamad Azmi Omaruddin, Pengerusi ANGKASA Selangor, Datuk Mohd Alias Hamzah dan Ketua Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Selangor, Sazali Baharudin.

Abdul Fattah berkata, sehingga kini ada sebanyak 276 koperasi sekolah di negeri ini membabitkan keahlian seramai 268,204 orang.

"Aset bagi semua koperasi itu berjumlah RM42.8 juta dan menyumbang perolehan pendapatan sebanyak RM41.6 juta," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya menyasarkan sebanyak 50 koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan lebih RM1 juta tahun depan.

"Saya menasihatkan semua koperasi sekolah supaya mempelbagaikan jenis perniagaan dan tidak hanya tertumpu kepada pembekalan peralatan sekolah semata-mata seperti bidang peruncitan dan kantin sekolah," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA